

06/09/1997

Dr M simpati dengan kegagalan Soros

DATUK Seri Dr Mahathir yang sebelum ini mengkritik George Soros kerana memanipulasi mata wang negara Asia Tenggara, melahirkan `rasa simpati' terhadap ahli kewangan Amerika Syarikat itu, semalam, kerana `gagal menyelamatkan nilai ringgit'.

Dalam sidang akhbar selepas hari pertama Perhimpunan Agung Umno, Perdana Menteri ditanya mengenai laporan yang menyebut, Soros kini berusaha membantu memulihkan kembali nilai ringgit dengan membeli mata wang itu.

Dr Mahathir dengan sinis melahirkan simpati berikutan kegagalan Soros membantu Malaysia dalam usaha itu.

"Saya kesianlah kat dia kerana dia sokong tetapi ringgit jatuh jadi dia rugi. Saya simpati dengan dia," katanya.

Ketika ditanya sekali lagi mengenai dakwaan Soros bahawa segala tuduhan (berhubung manipulasi itu) terhadapnya tidak benar, Dr Mahathir ketawa sambil berkata: "Orang putih kata `I will believe it when pigs fly'... saya hanya akan percaya jika babi terbang" katanya.

Mengenai dakwaan perwakilan bahawa ada pemimpin tertinggi swasta yang bercuti ketika negara menghadapi krisis ekonomi, Dr Mahathir menafikan dakwaan itu.

"Tidak ... sebenarnya semua ketua pegawai eksekutif bekerja keras siang dan malam dan bekerjasama dengan kerajaan," katanya.

Mengenai cadangan Wakil Umno Kedah, Datuk Badruddin Amiruldin, dalam perbahasan supaya kerajaan menubuhkan dana hartanah bagi membantu orang Melayu memiliki hartanah, Perdana Menteri berkata, kerajaan akan mengkaji perkara itu.

(END)